



# PERUTUSAN

KETUA PENGARAH PERANCANGAN BANDAR DAN DESA  
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (PLANMalaysia)

"Dengan nama Allah yang maha pengasih lagi maha penyayang"

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera

Alhamdulillah, syukur ke hadirat Illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, PLANMalaysia melalui Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan (BPKSP) telah berjaya melaksanakan Kajian Kamus Perancangan Bandar dan Desa.

Kajian ini dijalankan secara *in-house* dan bertujuan untuk menyediakan satu kamus perancangan yang mengandungi istilah-istilah atau terma-terma perancangan yang seragam untuk dijadikan rujukan serta digunakan oleh semua pengamal dalam bidang perancangan bandar dan desa. Istilah-istilah yang terdapat dalam kamus ini akan sentiasa dikemaskini mengikut peredaran masa serta penggunaan istilah atau terma yang terkini.

Kamus ini disediakan melalui beberapa siri perbincangan *Focus Group Discussion* (FGD) dan Mesyuarat Jawatankuasa bersama pemegang taruh yang terdiri daripada semua Bahagian di Ibu Pejabat, PLANMalaysia Negeri, Jabatan/Kementerian yang berkaitan seperti Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) dan Jabatan Kerja Raya (JKR), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terpilih serta Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang berkaitan dengan perancangan bandar dan desa.

Akhir kata, saya berharap agar kamus ini dapat dijadikan rujukan serta dapat membantu semua yang terlibat dengan bidang perancangan bandar dan desa dalam membuat sebarang kajian serta penyediaan kertas kerja yang berkaitan dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat, malahan dapat memperluaskan peranan perancang bandar dalam meneraju pembangunan bagi meningkatkan ekonomi, kesejahteraan masyarakat dan menambahbaik kualiti persekitaran. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di peringkat Persekutuan, negeri dan tempatan yang telah menyumbang tenaga dan idea bagi penyediaan kamus ini.

Sekian, terima kasih.

TPr Dr. Alias bin Rameli

